



# NEWSLETTER

## PERLINDUNGAN SOSIAL DI MALAYSIA

Disediakan Oleh:

Cik Ratana Sarimin

Puan Muji Hassim

Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA)

### PENGENALAN PERLINDUNGAN SOSIAL

Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) memberi takrif perlindungan sosial atau jaminan sosial sebagai salah satu hak asasi manusia, dan ia boleh didefinisikan sebagai set polisi dan program yang direka dan dirancang untuk mengurangkan serta mencegah kemiskinan dan kerentenan di dalam masyarakat secara inklusif. Perlindungan sosial merangkumi faedah untuk anak-anak dan keluarga, pengangguran, kecederaan pekerjaan, penyakit, usia tua, kecacatan dan juga perlindungan kesihatan. Dasar perlindungan sosial memainkan peranan penting dalam memenuhi keperluan hak asasi manusia terhadap keselamatan sosial bagi setiap individu yang berdepan dengan kesukaran sosial dan ekonomi. Secara amnya, perlindungan sosial merangkumi dasar, program dan langkah-langkah yang bertujuan memastikan taraf hidup mimima untuk masyarakat dan melindungi masyarakat daripada kejutan atau peristiwa yang tidak dijangka seperti penyakit serius, kecederaan dan pemberhentian kerja sebagaimana kesan yang berlaku akibat Pandemik COVID-19 yang melanda seluruh negara.

### Objektif Perlindungan Sosial

Objektif perlindungan sosial merangkumi aspek mengurangkan kemiskinan dan kerentenan, membina modal insan, memperkasakan wanita, meningkatkan pendapatan mampan dan tindakbalas terhadap perubahan atau kejutan seperti pandemik COVID-19 dan gangguan ekonomi. Terdapat dua kategori objektif di dalam perlindungan sosial, iaitu bersifat jangka pendek dan jangka panjang. Bagi program jangka pendek, ia akan berbentuk *quickwin* dan dengan segera dapat membantu rakyat mengatasi gangguan seperti gangguan ekonomi atau kesihatan. Manakala matlamat jangka panjang merangkumi peningkatan peluang untuk pertumbuhan inklusif, pembangunan modal insan dan kestabilan sosial.

## **Jenis Perlindungan Sosial**

Secara asasnya pendekatan perlindungan sosial boleh diklasifikasikan kepada empat fungsi utama iaitu sebagai perlindungan, pencegahan, promosi dan transformasi. Jenis perlindungan sosial boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu bantuan sosial, insurans sosial dan pasaran buruh yang aktif (ALMP). Bantuan sosial dan insurans sosial sering dirujuk sebagai keselamatan sosial.

### **i. Jaringan Keselamatan Sosial (*Social Safety Net*)**

Jaringan keselamatan sosial termasuk dalam pendekatan 'Perlindungan' yang melibatkan dana dari sumber kewangan awam. Objektif utama adalah untuk memastikan keperluan asas dipenuhi seperti kesihatan dan pendidikan, membasmi kemiskinan serta meningkatkan kualiti hidup masyarakat. Dasar perlindungan sedia ada berbentuk bantuan tunai dan bantuan bukan tunai seperti kemudahan pendidikan percuma dan bantuan perumahan.

### **ii. Insurans Sosial**

Insurans sosial dikategorikan dalam pendekatan 'Pencegahan'. Objektif utama adalah untuk memastikan keselamatan ekonomi dan membantu masyarakat terus bertahan untuk menghadapi suasana kejutan ekonomi dan mencegah kemiskinan. Pembiayaan perlindungan adalah melalui caruman mandatori di mana individu akan menyumbangkan peratusan daripada upah untuk skim kecederaan dan keselamatan pendapatan terhadap risiko luar jangka seperti kehilangan pendapatan. Selain itu, pembiayaan perlindungan juga adalah dari caruman oleh majikan. Dasar sedia ada adalah dalam bentuk skim insurans pendapatan, pencen dan perlindungan kecederaan.

### **iii. Polisi Pasaran Buruh Aktif (ALMP)**

ALMP dikategorikan dalam pendekatan 'Transformasi'. Objektif utamanya adalah untuk menyediakan peluang kepada individu meningkatkan potensi diri dan ekonomi. Dasar sedia ada yang dilaksanakan seperti penempatan pekerjaan, *upskilling* dan *reskilling*, penetapan gaji minimum dan penguatkuasaan undang-undang perburuhan. Pembiayaan bagi dasar ini diperoleh daripada sumber caruman atau bukan caruman.

## Sejarah Perlindungan Sosial di Malaysia

Malaysia bersetuju dengan Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) 1952 iaitu Konvensyen 102; *Minimum Standard for Social Security* (sumber: PERKESO). Kerajaan telah menyediakan jaringan keselamatan sosial melalui beberapa agensi kerajaan, termasuk Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerjaan (KWSP).

PERKESO dan KWSP menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja di negara ini melalui caruman mandatori. Kedua-duanya sentiasa menambah baik faedah dan perkhidmatan yang boleh ditawarkan kepada pencarum masing-masing. Perlindungan keselamatan sosial di Malaysia mengalami perubahan ketara dalam memenuhi peranannya untuk memberi perlindungan kepada golongan sasar dan menyokong pembangunan negara. Ia sejajar dengan evolusi keselamatan sosial di seluruh dunia.

### i. Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)

Idea penubuhan PERKESO adalah bertitik tolak daripada kajian yang telah dikendalikan oleh pada 1962. Hasil daripada laporan kajian tersebut telah dijadikan asas kepada pembentukan Akta Keselamatan Sosial yang telah diluluskan oleh Parlimen pada tahun 1969. Rentetan daripada pembentukan Akta Keselamatan Sosial 1969, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah ditubuhkan sebagai sebuah jabatan kerajaan di bawah Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat pada tahun 1971.

Peranan PERKESO adalah untuk mentadbir, melaksana dan menguatkuasakan Akta Keselamatan Sosial Pekerja (AKSP) 1969 dan Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971. Penubuhan PERKESO diharapkan dapat bertindak untuk menyediakan perlindungan keselamatan sosial yang bermanfaat kepada pekerja-pekerja dan tanggungannya serta mempertingkatkan tahap kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di negara ini. Pada 1 Julai 1985, status PERKESO telah berubah kepada sebuah Badan Berkanun dan mulai 1 Januari 1992, PERKESO telah melaksanakan sistem saraannya sendiri iaitu Sistem Saraan Baru PERKESO (SSBP).



PERKESO diperkenalkan untuk melaksanakan dua fungsi utama keselamatan sosial iaitu Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Keilatan. Skim Bencana Pekerjaan memberi perlindungan kepada para pekerja daripada kemalangan industri termasuk penyakit khidmat dan kemalangan semasa perjalanan berkaitan dengan pekerjaan. Skim Keilatan pula memberi perlindungan 24 jam kepada pekerja terhadap keilatan atau kematian akibat sebarang sebab yang berlaku di luar waktu kerja. Objektif kedua-dua skim adalah untuk menjamin pembayaran faedah tunai kepada pekerja dan orang tanggungannya apabila berlaku kejadian luar jangka menimpa pekerja berkenaan disamping menyediakan perkhidmatan rawatan perubatan dan pemulihan jasmani atau vokasional. Kemudahan pemulihan adalah bertujuan untuk membolehkan pekerja terbencana kembali aktif dalam kehidupan harian dan dapat kembali bekerja semula.

PERKESO juga menjalankan aktiviti pencegahan kemalangan melalui program peningkatan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kalangan pekerja dan majikan. Inisiatif dan penambahbaikan skim perlindungan keselamatan sosial terus diberikan penekanan dengan mengadakan beberapa pindaan terhadap Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan Peraturan-peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971 serta mewujudkan jenis perlindungan keselamatan sosial baharu iaitu Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri [Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017( Akta 789)] dan Skim Insurans Pekerjaan [Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 ( Akta 800)].

## **ii. Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP)**

KWSP adalah skim simpanan persaraan wajib yang diuruskan kerajaan. Di Malaysia, KWSP adalah sebuah institusi keselamatan sosial yang ditubuhkan mengikut Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 (Akta 452) yang memberi faedah persaraan kepada ahlinya melalui sumbangan mandatori daripada dua pihak iaitu sebahagian daripada gaji pekerja dan sebahagian adalah sumbangan majikan bagi pihak pekerja mereka. KWSP menggariskan tanggungjawab bagi majikan untuk memenuhi kewajipan undang-undang dan moral mereka kepada pekerja melalui sumbangan bulanan berterusan ke dalam dana persaraan pekerja.



KWSP di Malaysia adalah satu bentuk jaringan keselamatan sosial yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk membantu tenaga kerja Malaysia menabung untuk persaraan dan menyediakan faedah persaraan kepada ahli-ahlinya. Perlindungan pada hari tua dikendalikan KWSP dalam bentuk tabungan dan faedah persaraan untuk ahlinya yang terdiri daripada pekerja sektor swasta dan pekerja tidak berpencen sektor awam.

### **Halatuju Perlindungan Sosial di Malaysia**

Kerajaan Malaysia telah menukuhkan Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 2016 sebagai badan induk penyelarasaran dasar dan program memperkasa sistem perlindungan sosial negara. MySPC telah diaktifkan semula pada 29 Jun 2020 dengan memberi penekanan kepada penyelarasaran data perlindungan sosial yang merentasi agensi yang merangkumi teras bantuan social, intervensi pasaran buruh dan insurans sosial. Keanggotaan MySPC adalah terdiri daripada 15 Kementerian dan Bank Negara Malaysia. Koordinasi pelaksanaan MySPC adalah di bawah Unit Penyelarasaran Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri yang bertindak sebagai urus setia.

Tumpuan utama MySPC adalah untuk :

- i. Merasionalisasikan dan memperkasa program bantuan sosial yang memberi fokus kepada kelangsungan hidup, mobiliti sosial dan nilai tambah;
- ii. Memperbaharui kerangka insurans sosial, pencegahan dan persaraan di mana skim perlindungan PERKESO dan KWSP akan ditambah baik dan diperluas kepada semua rakyat Malaysia;
- iii. Insurans sosial akan memberi fokus kepada empat (4) kumpulan sasar utama iaitu suri rumah, pekerja kontrak/ bekerja sendiri, pekerja swasta dan pekerja sektor awam;
- iv. Menjadikan pasaran buruh aktif dan inklusif dengan meningkatkan penyertaan dan mengekalkan kumpulan sasar dalam pasaran buruh melalui intervensi kepada penempatan pekerjaan, peningkatan kemahiran dan latihan semula kemahiran, gaji minimum serta penggajian semula pesara atau warga emas; dan
- v. Membangunkan Pangkalan Data Perlindungan Sosial yang menyimpan dan mengurus semua data berkaitan perlindungan sosial yang komprehensif merentasi agensi.



Melalui MySPC, perlindungan sosial bukan sahaja dilihat menjaga kebajikan sosial rakyat malah ia melibatkan langkah bagi mencegah, mengurus dan mengatasi cabaran-cabaran yang membawa kesan negatif kepada kesejahteraan hidup rakyat melalui pelaksanaan program-program perlindungan sosial dan program peningkatan kapasiti dan keupayaan kumpulan sasar. Terdapat empat (4) Jawatankuasa Kerja yang telah ditubuhkan di bawah MySPC iaitu:

<b>Bil</b>	<b>Jawatankuasa Kerja (JK)</b>	<b>Kementerian</b>	<b>Fokus Jawatankuasa Kerja</b>
1	JK Kerja Bantuan Sosial	KPWKM	Mensasarkan kumpulan B40, golongan miskin dan miskin tegar di dalam program kelangsungan hidup, mobiliti sosial dan nilai tambah kehidupan.
2	JK Kerja Insurans Sosial	MOF	i. Pembaharuan kerangka insurans sosial; ii. Pencen dan persaraan (PERKESO); dan iii. Penambahbaikan KWSP.
3	JK Kerja Intervensi Pasaran Buruh	KSM	Mensasarkan pasaran buruh yang aktif dan inklusif dengan meningkatkan kadar penyertaan dan mengekalkan kumpulan sasar dalam pasaran buruh.
4	JK Pengurusan Data	DOSM, JPM	Mensasarkan pembangunan Pangkalan Data Perlindungan Sosial yang akan menyimpan dan mengurus semua data berkaitan perlindungan sosial yang komprehensif. Pangkalan data ini akan menjadi rujukan tunggal perlindungan sosial negara dan dapat menjana analisis statistik perlindungan sosial yang lebih tepat.

Keempat-empat Jawatankuasa Kerja yang ditubuhkan di bawah MySPC dijangka dapat membantu Kerajaan untuk memberikan perlindungan sosial yang lebih komprehensif dan inklusif serta memastikan sumber kewangan yang digunakan akan mencapai sasaran dengan lebih efisien.



## Penutup

Berikutan daripada pandemik COVID-19, Malaysia harus melaksanakan penambahbaikan dasar keselamatan sosial yang sedia ada bagi membolehkan rakyat mendapat perlindungan sosial yang lebih inklusif dan komprehensif. Fokus perlindungan sosial sedia ada seperti KWSP dan PERKESO yang lebih melindungi pekerja sektor formal perlu diubah untuk memasukkan perlindungan pekerja sektor tidak formal. Selain itu, Malaysia juga perlu bersiap sedia dengan dasar keselamatan sosial yang lebih komprehensif agar peralihan status negara ke status negara tua dalam tempoh 10 tahun akan datang tidak membebankan kewangan negara. Fokus utama dasar baharu Malaysia berkaitan keselamatan sosial adalah sasaran sumber kewangan rakyat mencukupi bagi mengharungi tempoh persaraan mereka.

Pandemik COVID-19 juga telah mendedahkan kelemahan di dalam sistem perlindungan sosial negara bukan sahaja di Malaysia tetapi juga negara-negara lain. Ia juga telah memaksa transformasi di dalam sistem perlindungan sosial agar menjadi lebih komprehensif dan inklusif. Sistem perlindungan sosial yang sedia ada dibina pada tahun 1950-an perlu diperbaharui kesan daripada migrasi, urbanisasi dan globalisasi telah mengubah nilai dalam masyarakat secara drastik.

Justeru itu, penambahbaikan berterusan ke atas perlindungan keselamatan sosial negara dapat meningkatkan perlindungan keselamatan sosial rakyat secara menyeluruh dengan memastikan tiada kumpulan rakyat yang tersisih. Perlindungan sosial wajib dijadikan agenda utama di dalam setiap strategi pembangunan nasional agar negara dapat mencapai pertumbuhan yang inklusif dan pembangunan yang mampan.

**PENAFIAN:** Artikel ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara ad-hoc. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan artikel ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.

## Rujukan

Browne, E. (2015). Social Protection: Topic Guide. Birmingham, UK: GSDRC, University of Birmingham.

Carter et al (2019). Social Protection Topic Guide October 2019, Institute of Development Studies, University of Birmingham

Lin Lean Lim (2020). The Socioeconomic Impacts Of COVID-19 In Malaysia: Policy Review and Guidance for Protecting The Most Vulnerable And Supporting Enterprises, ILO.

Syed Marwan et al (2020), Traversing the Tightrope: The Socio-Economic Impact of COVID-19 & Reform of Social Protection Policies in Malaysia, Friedrich Ebert Stiftung.

Ya Shin Wan and Gamaliel Kan (2020). Social Protection for The Poor And Vulnerable Malaysians During COVID-19, IDEAS.

A Vision for Social Protection in Malaysia, Economic and Monetary Review, Bank Negara Malaysia, 2020.

Social Protection: Our Framework – Policies and Strategies, Asian Development Bank, 2003.

World Social Protection Report 2017–19: Universal Social Protection to Achieve the Sustainable Development Goals, International Labour Office – Geneva: ILO, 2017.

Leaving No One Behind: A Social Protection Primer for Practitioners, United Nations Development Programme, 2016.

New Straits Times (30 Jun 2020) Government Reactivates MySpc. Dimuatturun melalui <https://www.nst.com.my/news/government-public-policy/2020/06/604629/govt-reactivates-myspc>

Astro Awani (29 Jun 2020). Majlis Perlindungan Sosial Malaysia MySPC diaktifkan semula. Dimuatturun melalui <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/majlis-perlindungan-sosial-malaysia-myspc-diaktifkan-semula-249172>

Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri, Mesyuarat MySPC. Dimuatturun melalui <https://www.icu.gov.my/pg/?pg=koleksi&type=akt19&id=722>

PERKESO, dimuatturun melalui <https://www.perkeso.gov.my/>

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, dimuatturun melalui <https://www.kwsp.gov.my/>